

Bil. S 67

**PERINTAH PERKAPALAN PEDAGANG, 2002
(S 27/02)**

**PERATURAN-PERATURAN PERKAPALAN PEDAGANG
(STANDARD LATIHAN, PENSIJILAN DAN PENGAWASAN)
(PINDAAN), 2004**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Pindaan Jadual Pertama kepada S 54/02.
-

**PERINTAH PERKAPALAN PEDAGANG, 2002
(S 27/02)**

**PERATURAN-PERATURAN PERKAPALAN PEDAGANG
(STANDARD LATIHAN, PENSIJILAN DAN PENGAWASAN)
(PINDAAN), 2004**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 47 dari Perintah Perkapalan Pedagang, 2002, maka Menteri Perhubungan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Perkapalan Pedagang (Standard Latihan, Pensijilan dan Pengawasan) (Pindaan), 2004 dan hendaklah dianggap telah berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Ogos, 2002.

Pindaan Jadual Pertama kepada S 54/02.

2. Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan Perkapalan Pedagang (Standard Latihan, Pensijilan dan Pengawasan), 2002 adalah dipinda —

(a) dalam Lampiran 2 —

- (i) dengan memansuhkan perenggan 15 dan menggantikannya dengan perenggan baru yang berikut —

"Penglihatan.

15. (1) Seseorang itu tidaklah boleh diterima untuk menjalani latihan atau khidmat laut jika keadaan penyakit pada mana-mana satu matanya, atau kelopak mana-mana satu matanya, tidak dapat dipulihkan, ada dan boleh mendatangkan risiko bertambah teruk atau berulang semula.

(2) Kes-kes baru penglihatan sebelah mata tidak boleh diterima bagi sebarang kategori sebagai pelaut. Pelaut-pelaut yang berkhidmat dengan penglihatan sebelah mata dan mereka yang menjadi buta sebelah semasa berkhidmat di dalam bahagian-bahagian enjin dan penyediaan makanan dan memenuhi standard yang dikehendaki boleh dibenarkan untuk terus berkhidmat di laut di dalam bahagian-bahagian tersebut.

(3) Penglihatan jauh atau penglihatan warna, atau keduanya, boleh diambil dengan atau tanpa alat bantuan penglihatan (kacamata atau kanta sentuh). Kanta berwarna sedikit tidaklah dibenarkan. Sebarang keperluan untuk memakai alat bantuan penglihatan bagi memenuhi standard yang dikehendaki hendaklah direkodkan dalam setiap sijil dan pengendorsan yang dikeluarkan.

(4) Ujian penglihatan jauh mengandungi ujian huruf dan akan dijalankan mengikut prinsip Snellen pada jarak penglihatan 6 meter dari mata.

(5) Ujian penglihatan warna hendaklah dijalankan dengan menggunakan plat Ishihara dan penglihatan warna boleh dianggap sebagai normal, apabila menggunakan kaedah Ishihara, jika plat-plat 1, 11, 15, 22 dan 23 dibaca dengan betul. Calon-calon yang gagal dalam ujian plat warna Ishihara boleh memohon bagi ujian selanjutnya dengan menggunakan ujian lantera atau ujian diagnostik yang sama. Laporan tersebut hendaklah dikembalikan kepada doctor yang membuat pemeriksaan yang akan memutuskan sama ada adalah wajar untuk menggagalkan calon itu atau mengeluarkan sijil penuh atau terhad.

(6) Dalam semua kes jika alat bantuan penglihatan dikehendaki bagi perlaksanaan kewajipan dengan berkesan, alat bantuan penglihatan ganti mestilah dibawa apabila belayar di laut. Apabila alat bantuan penglihatan yang berlainan digunakan bagi penglihatan jauh dan dekat, satu alat bantuan penglihatan ganti bagi setiap satu mestilah dibawa.";

- (ii) dengan memotong perenggan kecil (1)/b/ perenggan 16 dan menggantikannya dengan perenggan kecil baru yang berikut —

"/b/ Sebelum ujian tersebut dimulakan, calon itu hendaklah memberitahu pemeriksa sama ada atau tidak dia bermaksud hendak menggunakan alat bantuan penglihatan.";

- (iii) dengan memotong perenggan kecil (2) perenggan 16 dan menggantikannya dengan perenggan kecil baru yang berikut —

"Standard penglihatan yang dikehendaki.

- (2) (a) Calon-calon mestilah memenuhi standard yang dinyatakan dalam Jadual 2 Lampiran 3 dan mereka yang perlu menggunakan alat bantuan penglihatan mestilah mencapai standard yang diperlukan bagi penglihatan

tanpa alat bantuan dan juga penglihatan dengan alat bantuan.

(b) Penglihatan tanpa alat bantuan hendaklah diuji terlebih dahulu dan setiap mata mestilah diuji secara berasingan.";

(iv) dalam perenggan kecil (4)/b) perenggan 16, dengan memotong "is not a new entrant and" dari baris pertama;

(v) dalam perenggan kecil (2)/a) perenggan 17, dengan memotong ", other than a new entrant," dari baris pertama;

(b) dalam Lampiran 3 —

(i) dengan memansuhkan Jadual 2 dan menggantikannya dengan Jadual baru yang berikut —

"JADUAL 2
perenggan 16(2) Lampiran 2
STANDARD PENGLIHATAN MINIMUM SEBELUM BELAYAR DAN DALAM PERKHIDMATAN

Kategori pelaut	Standard Asas Ketajaman Penglihatan (tanpa alat bantuan)		Standard Tinggi Ketajaman Penglihatan (dengan alat bantuan jika perlu)		Penglihatan Dekat/Pertengahan dan Penglihatan Warna (kedua-dua mata, penglihatan dengan alat bantuan atau tanpa alat bantuan)	Medan Penglihatan
	Mata lebih baik	Mata yang satu lagi	Mata lebih baik	Mata yang satu lagi		
Pegawai dek dan kelasi yang dikehendaki untuk menjalankan tugas peninjau	6/12* 6/60 6/60†	6/24* 6/60 —	6/6* 6/12 6/6†	6/9* 6/12 —	Penglihatan dikehendaki bagi pelayaran kapal (misalnya, carta dan rujukan terbitan nautika, penggunaan peralatan anjungan dan kelengkapan dan pengenalan-pastian alat bantuan pelayaran)	Medan penglihatan biasa
Jurutera, pegawai-pegawai radio, elektrik dan elektronik dan kelasi menjadi sebahagian dari pengawas bilik enjin	6/60 6/60†	6/60 —	6/15 6/9†	6/15 —	Penglihatan dikehendaki untuk membaca alatan dalam jarak dekat, untuk mengendalikan kelengkapan dan mengenalpasti sistem atau komponen seperti yang diperlukan	Medan penglihatan mencukupi
Lain-lain	6/60	—	6/60	—	Cukup untuk menjalankan tugas	Cukup untuk menjalankan tugas

* Semua pekerja baru (orang-orang yang bekerja dengan bahagian dek buat kali pertama).

† Mereka yang menjadi buta sebelah semasa dalam perkhidmatan dengan tiada bukti penyakit mata yang semakin teruk pada sebelah mata yang satu lagi. ; dan

- (ii) dalam Jadual 3, dengan memotong sebutan "paragraph 15(2) of Annex 2" dan menggantikannya dengan "rule 6(2)".

Diperbuat pada hari ini 10 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1425 bersamaan dengan 25 haribulan September, 2004.

PEHIN ORANG KAYA SETIA PAHLAWAN
DATO SERI SETIA HAJI AWANG ZAKARIA BIN
DATU MAHAWANGSA HAJI SULAIMAN
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.